

BOX NO. 377

CAS/MNM/S/7



UNIVERSITY ARCHIVES

College of Arts and Sciences

Mahmood Nazar Mohamed, Hasnah Ibrahim, Bidin Yatim,
Abdul Halim Ahmad, & Kalsom Kayat. (1995).
Penyelidikan, perundingan & penerbitan dalam era
pengkorporatan universiti. *Bengkel Akademik
Universiti*. Langkawi, 28-30 November.

**BENGKEL AKADEMIK UNIVERSITI
28 - 30 NOVEMBER 1995
LANGKAWI HOLIDAY VILLA BEACH RESORT**

**TAJUK:
PENYELIDIKAN, PERUNDINGAN & PENERBITAN
DALAM ERA PENGKORPORATAN UNIVERSITI**

Disediakan Oleh

**Dr. Mahmood Nazar Mohamed
Prof. Madya Dr. Hasnah Ibrahim
Encik Bidin Yatim
Encik Abdul Halim Ahmad
Puan Kalsom Kayat**

PENYELIDIKAN, PERUNDINGAN DAN PENERBITAN DALAM ERA PENGKORPORATAN



Mahmood Nazar Mohamed (PPP-SPS), Hasnah Ibrahim (UP-SBPS),
Bidin Yatim (PPP-STM), Abdul Halim Ahmad (SPS)
dan Kalsom Kayat (SP)

PENDAHULUAN

Kertas perbincangan ini disediakan untuk tujuan membincangkan isu yang berkaitan dengan penyelidikan, perundingan dan penerbitan dalam era pengkorporatan Universiti Utara Malaysia. Ketiga-tiga aspek ini amat penting kerana ia merupakan tulang belakang yang menyokong program akademik di samping kewujudannya yang selari dengan kepakaran akademik serta bidang kecemerlangan universiti. Tanpa aktiviti penyelidikan yang mantap, perundingan yang profesional serta penerbitan akademik yang cemerlang, adalah sukar sesebuah universiti mendakwa ianya mempunyai tenaga pakar dalam bidang tertentu.

Di samping itu, isu yang berkaitan dengan keseimbangan di antara peri pentingnya pengembangan serta penyebaran ilmu dengan kos yang tinggi dalam menjalankan penyelidikan yang bermutu menjadi titik persoalan penting dalam usaha sesebuah universiti dikorporatkan.

Kertas ini dibahagikan kepada tiga bahagian: Analisis Keadaan Masa Kini (melihat kepada status quo serta permasalahan); Cabaran dalam Era Pengkorporatan (batasan yang mungkin dihadapi) dan; Kaedah dan Proses (meneliti tatacara/alternatif untuk menghadapi era pengkorporatan)

ANALISIS KEADAAN MASA KINI

Bagi mengenalpasti cabaran aspek-aspek penyelidikan, perundingan dan penerbitan dalam era pengkorporatan, adalah wajar jikalau sedikit analisis dilakukan bagi meneliti keadaan semasa, lebih tepat lagi sejak Universiti Utara Malaysia ditubuhkan sepuluh tahun dahulu. Analisis ini diharap akan dapat memberi sedikit panduan ke arah mencartakan direction pada masa akan datang.

a. Penyelidikan

Walaupun Universiti Utara Malaysia menghadapi banyak limitasi dalam kewujudan dekad pertamanya, umumnya dari segi cukupnya tenaga akademik dan juga kepakaran serta kebolehan menjalankan penyelidikan, namun bilangan projek yang diusahakan oleh tenaga akademik muda UUM berada di tahap yang boleh dikatakan membanggakan. Ini boleh diperhatikan melalui penggunaan tiga sumber pembiayaan penyelidikan; Geran Sekolah (1000 & 3000), Geran Universiti (JKPU) dan Geran IRPA.

Bagi penyelidikan sekolah, bilangan geran penyelidikan yang digunakan (dari segi trend) semakin meningkat dari tahun ke tahun. Penawaran geran 1000 yang mula ditawarkan pada tahun 1990, dan seterusnya geran 3000 pada tahun 1993 berjaya merangsang ramai pensyarah mencuba idea penyelidikan masing-masing tanpa terpaksa bertungkus lumus mempertahankan poposal di JKPU.

Dalam tahun 1990, tujuh (7) geran telahpun diluluskan, 16 geran pada 1991; 38 geran pada 1992; 28 geran pada 1993; 34 geran pada 1994; dan sehingga Oktober, 1995, sejumlah 23 geran diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Sekolah-sekolah. Ini membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak 146 projek yang dibiayai oleh geran penyelidikan sekolah yang berjumlah RM236,211.00; walaupun hanya dengan 104 projek sahaja yang sudah pun tamat (Sila lihat Lampiran 1).

Bagi geran penyelidikan universiti pula, sejumlah 65 projek telah mendapat kelulusan pembiayaan yang mempunyai julat daripada sekitaran RM1,000.00 hingga lebih daripada RM80,000.00 Walaupun Jawatankuasa Penyelidikan Universiti mula beroperasi pada tahun 1985, namun tiada geran yang diluluskan dalam tahun itu. Tiada siapa yang membuat permohonan! Geran penyelidikan mula diberikan pada tahun 1986, iaitu sebanyak 2; 1 geran pada 1987; 7 geran pada tahun 1988; 4 geran pada 1989; 9 geran pada 1990; 3 geran pada 1991; 5 geran pada 1992; 4 geran pada 1993; 7 geran pada 1994 dan sehingga Oktober, 1995, sejumlah 23 geran telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Universiti (Sila lihat Lampiran 2).

Peningkatan mendadak jumlah pembiayaan yang diluluskan pada tahun 1995 disebabkan oleh geran 10,000 untuk pengajian PhD dan geran "top-down" Jawatankuasa Penyelidikan Universiti kepada Sekolah dan Institut. Sehingga kini, sejumlah 33 kajian ini telahpun siap dan 32 masih lagi diusahakan.

Kedua-dua jenis geran ini dimasukkan di dalam belanjawan jangka masa pendek (bermaksud, geran ini adalah untuk penyelidikan yang perlu disiapkan dalam jangka masa 2 tahun atau kurang), dan bagi Rancangan Malaysia ke-6, sejumlah dua juta ringgit (RM2,000,000.00) telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk tujuan penyelidikan ini. Dari segi prestasi kewangan, sejumlah RM1,068,787.00 dalam bentuk geran telah diluluskan oleh

universiti (termasuklah geran yang diurus di peringkat Sekolah), bermakna baki yang belum lagi digunakan daripada jumlah peruntukan 2 juta ialah sebanyak RM931,212.90; manakala hanya sejumlah RM323,521.74 telah dibelanjakan untuk penyelidikan (jumlah sebenar yang telah dibayar).

Satu lagi sumber pembiayaan yang diperolehi oleh penyelidik UUM ialah melalui mekanisme IRPA (*Intensification of Research in Priority Areas*), di bawah kelolaan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (KSTAS). Tenaga akademik Universiti Utara Malaysia mula mendapat pembiayaan ini pada tahun 1992, iaitu sebanyak 5 geran; 12 geran pada 1993; 3 geran pada 1994; dan 5 geran pada 1995. Hanya 4 permohonan sahaja yang dibuat oleh pensyarah UUM yang mana ia terus dipanjangkan untuk tahun 1996, tetapi masih belum diketahui keputusannya lagi. Jumlah pembiayaan yang diperolehi melalui mekanisme IRPA mempunyai julat daripada RM15,000.00 kepada RM300,000.00 (Sila lihat Lampiran 3).

Dari segi prestasi, hanya 8 projek IRPA sahaja yang sudah ditamatkan dengan jayanya, manakala sebilangan 17 projek masih lagi dijalankan. Jumlah peruntukan yang diberikan kepada UUM melalui mekanisme ini ialah sebanyak RM1,657,486.00, tetapi hanya RM336,562.41 sudah dibelanjakan. Banyak sebab telahpun dikenalpasti sebagai punca kelewatan dan kurangnya pengunaan perbelanjaan geran IRPA, yang mana mungkin boleh diberikan penjelasannya semasa perbincangan kelak.

Dari segi penyelidikan, pengalaman satu dekad pertama memperlihatkan banyak geran penyelidikan yang tidak digunakan oleh tenaga akademik UUM, atau penyelidikan yang diusahakan tidak lagi disiapkan dengan sepenuhnya. Akibatnya, lebih banyak duit daripada permohonan untuk menjalankan penyelidikan di UUM, satu fenomena yang jarang sekali berlaku di universiti atau Institusi Pengajian Tinggi. Beberapa faktor dilihat sebagai mendorong kepada berlakunya masalah ini, antara lainnya;

- * Beban pengajaran dan penyeliaan yang terlalu tinggi
- * Tiada Lead-Person dalam penyelidikan
- * Kurang motivasi untuk menjalankan penyelidikan
- * Kurang pengetahuan dalam kerja penyelidikan
- * Kurang latihan/pendedahan dalam penyelidikan
- * Profesor pelawat kurang berperanan dalam pencetusan idea atau memimpin projek penyelidikan di sekolah

Satu pemerhatian yang harus dinyatakan ialah dari segi jenis penyelidikan yang diusahakan oleh tenaga akademik kita. Di peringkat sekolah, kebanyakan projek yang diusahakan adalah berbentuk *basic/pure research* yang tidak pula mempunyai kesinambungan yang jelas (*continuity*) di antara satu kajian dengan kajian yang lain (oleh penyelidik yang sama), sama ada dari segi perkembangan ilmu dalam disiplin yang dikaji atau metodologi kajian yang digunakan. Antara sebab lain ialah kurangnya tumpuan yang diberikan oleh penyelidik kepada

penerokaan mendalam dalam bidang masing-masing, lantaran penyelidikan yang dilakukan hanyalah mengikis permukaan sesuatu disiplin sahaja (*horizontal versus vertical exploration*).

Di peringkat Universiti pula, banyak geran yang lebih besar digunakan untuk "applied / action oriented research", serta yang mempunyai unsur "problem solving" (sila lihat tajuk-tajuk kajian yang dibiayai oleh geran universiti). Terlalu sedikit geran yang dipohon untuk kajian yang berbentuk basic. Kajian yang berbentuk applied / action-oriented yang diusahakan mungkin lebih nilainya dari sudut perundingan (jikalau ianya dibiayai oleh badan luar), tetapi mungkin tidak dari segi "extending the boundary of knowledge".

Dari segi pembiayaan IRPA, kesemua kajian yang diluluskan oleh panel IRPA (sains sosial) meneliti isu semasa yang mempunyai kaitan dengan soal-soal dasar kerajaan. Memandangkan pembiayaan kajian-kajian ini diperolehi melalui proses "bidding" di peringkat KSTAS, maka seharusnya, ia selaras dengan matlamat IRPA serta *Field of Research / Socio-Economic Objectives (FOR/SEO)* yang ditetapkan, jika tidak, tiada pembiayaan diberikan.

b. Perundingan

Aktiviti perundingan pula banyak tertumpu kepada beberapa bidang yang agak khusus seperti kajian-kajian feasibility, impact, socio-economic, information technology dan HRD/HRM, di samping program pembangunan yang dibentuk khusus untuk sesuatu organisasi. Walaupun dari segi representativeness, projek perundingan yang diusahakan tidak meliputi semua bidang akademik di UUM, namun dari segi kuantitinya, ia meningkat dari setahun ke setahun. Dari segi kuantiti, ia adalah seperti berikut: 1986 (1); 1987 (1); 1990 (1); 1991 (2); 1992 (5); 1993 (7); 1994 (9); dan 10 projek sehingga November, 1995 (Sila lihat Lampiran 4).

Di antara batasan yang ketara dalam memasarkan khidmat runding tenaga pakar UUM ialah dari aspek "kepakaran yang boleh dipasarkan".

Selama kewujudan UUM, dan sejak aktiviti perundingan diusahakan, terlalu sedikit projek yang diperolehi merujuk kepada satu-satu pakar yang ada di UUM; apa yang diperolehi ialah daripada proses pemasaran kekuatan/kepakaran kita, dan apa yang ditawarkan oleh pihak klien secara formal atau tidak formal kepada universiti. Jelasnya fenomena ini berlaku kerana tenaga akademik UUM yang rata-rata baru sahaja menceburkan diri dalam dunia akademik, masih kurang pengalaman dalam penyelidikan serta kerja runding, lantas belum lagi diiktiraf sebagai "pakar" oleh pihak akademia.

Sekadar contoh, di UTM, kekuatan tenaga akademik mereka ialah dalam skop engineering and technological based research and development; di UPM ialah agricultural technology R & D; di USM ialah applied science and technology R & D, dan seumpamanya.

Dakwaan ini disokong kuat oleh *the vast and rigorous research experience and track record* dan jumlah pembiayaan penyelidikan yang amat signifikan dari pihak kerajaan maupun swasta. Ini bermakna, kepakaran akademik hanya boleh dibentuk melalui kerja penyelidikan yang berterusan serta berkesinambungan; barulah kepakaran yang ada ini dapat dipasarkan untuk kerja perundingan.

Secara umumnya, kita belum lagi dapat mengenalpasti kekuatan tenaga pakar untuk *claim expertise* dalam sesuatu bidang atau disiplin. UUM baru sahaja mencartakan bidang kecemerlangan yang harus diberi tumpuan dari segi penyelidikan, perundingan dan pengembangan. Penubuhan IPK dan IPQ, serta penawaran *graduate program* adalah langkah ke arah merealisasikan tercapainya bidang-bidang kecemerlangan kita.

c. Penerbitan

Aktiviti penerbitan di UUM juga belum sampai ditahap yang memberangsangkan (Lihat Lampiran 5). Untuk meningkatkan lagi aktiviti penerbitan (dari segi kuantiti dan kualiti), sebuah Unit Penerbitan ditubuhkan pada tahun 1995, dan diletakkan di bawah Jabatan Canselor. Sebelum wujudnya unit ini, sebanyak enam siri penerbitan telah dikenalpasti: Siri Buku (17 penerbitan); Siri Monograf (5 penerbitan, yang semuanya daripada Sekolah Perakaunan); Siri Prosiding (4 penerbitan yang semuanya dari Sekolah Ekonomi); Siri Jurnal (5 penerbitan: 3 ANALISIS dan 2 MALAYSIAN MANAGEMENT JOURNAL); Siri Sesekala (6 penerbitan); dan Siri Syarahan Iktisas (7 penerbitan).

Keprihatinan aspek penerbitan pada masa ini ialah sama ada apa yang diterbitkan oleh Unit (dahulunya Jawatankuasa Penerbitan) selaras dengan tumpuan ilmiah dan kecemerlangan UUM, serta setandingnya penerbitan kita dengan bahan yang berada dalam pasaran.

CABARAN DALAM ERA PENGKORPORATAN

Andaikata UUM menggunakan status quo (masa kini) sebagai asas titik tolak untuk ke era pengkorporatan, maka kumpulan ini merasakan bahawa banyak usaha yang perlu dilipatgandakan agar cabaran yang dihadapi kelak boleh dihadapi dengan kadar yang lebih realistik.

1. Beban kerja tenaga akademik dari segi pengajaran, tutorial dan penyeliaan adalah agak berat, yang mana ini dikenalpasti sebagai faktor utama menghindar para pensyarah memberikan tumpuan yang serius dalam kerja penyelidikan. Bagi ketua-ketua jabatan pula, beban kerja pentadbiran menjadi faktor penghalang yang penting ke arah mempergiatkan aktiviti penyelidikan masing-

masing. Oleh itu, universiti perlu memikirkan strategi *manpower recruitment* yang lebih berkesan agar nisbah pelajar:pensyarah dapat dikurangkan. Dijangkakan selagi masalah ini wujud, maka selagi itu aktiviti penyelidikan akan menjadi sekunder.

2. Daripada rekod aktiviti penyelidikan, banyak geran telah diluluskan, dan banyak peruntukan diberikan oleh sumber-sumber dalam dan luar universiti. Namun, terdapat sebilangan signifikan projek yang tidak dapat dihabiskan dalam tempoh masa yang dirancang oleh penyelidik. Tambahan pada itu, penggunaan sumber kewangan selalunya tidak efisyen; permohonan pembiayaan yang diminta selalunya adalah lebih banyak daripada apa yang digunakan atau diperlukan untuk satu-satu projek. Dalam era pengkorporatan, tindakan sebegini tidak boleh diterima, dan tahap akauntabiliti penyelidik terhadap pembiayaan dan pembiayaan perlu ditingkatkan. Lantaran, perubahan sikap adalah imperatif.

3. Satu perkara penting yang perlu diberikan tumpuan ialah universiti perlu menyerahkan kepakaran tenaga akademiknya agar ia boleh bertindak sebagai "selling point" untuk mendapatkan pelajar yang lebih berkualiti. Hal ini sememangnya tidak boleh dilakukan dalam sekilip mata. Pelbagai bentuk latihan, bimbingan dan pengalaman perlu diusahakan untuk mencapai status "pakar" di kalangan tenaga akademiknya.

4. Kerajaan mungkin tidak lagi memberi peruntukan untuk menjalankan penyelidikan secara automatik seperti sekarang. Universiti atau sekolah perlulah memperuntukkan sebahagian signifikan daripada belanjawannya untuk tujuan penyelidikan asas dan R & D. Kerajaan mungkin akan menawarkan geran tetapi melalui mekanisme IRPA, atau secara tawaran daripada agensi kerajaan yang terlibat. Umpamanya, bagi semua kajian mengenai wanita, tawaran projek dibuat oleh IKWAN; projek-projek Plan Struktur oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa; Projek ekonomi oleh UPEN/EPU dan seumpamanya; bermakna perolehan geran ialah melalui proses "bidding". Persaingan di antara ahli akademik universiti bagi mendapatkan pembiayaan akan menjadi lebih sengit.

5. Dari aspek perundingan pula, kita masih belum lagi dapat mengenalpasti kepakaran yang ada di kalangan ahli akademik universiti (sebilangan kecil telahpun memaklumkan kepakaran masing-masing dan mendapat beberapa projek perundingan). Pusat dengan usahasama pihak sekolah telah berusaha mengenalpasti kepakaran yang sedia ada, tetapi dakwaan sebagai "pakar" tanpa sokongan kerja penyelidikan, pengajaran, pengembangan serta pengalaman perundingan sering tidak diterima oleh pihak klien, memandangkan pembiayaan yang selalunya diberikan untuk satu-satu projek perundingan adalah besar. Usaha "membina kepakaran" ini mengambil masa, dan langkah untuk mempercepatkannya harus difikirkan bersama.

6. Dari aspek penerbitan pula, kekurangan kakitangan yang terlatih (seperti penyunting Bahasa Malaysia dan English) menimbulkan masalah perjalanan kerja penerbitan yang efisyen. Dalam era pengkorporatan, staf yang secukupnya serta berkelayakan

amatlah perlu untuk mengurus penerbitan universiti dengan baik. Di samping itu, kualiti penulisan di kalangan tenaga akademik perlu dipertingkatkan. Ini boleh diusahakan melalui sesi bengkel penulisan, penyuntingan dan terjemahan.

CADANGAN STRUKTUR

Tertakluk kepada *structure and governance* yang diputuskan oleh pihak kerajaan untuk pengkorporatan UUM, maka struktur untuk pengurusan serta pembangunan aktiviti penyelidikan, perundingan dan penerbitan boleh diteliti dari dua pendekatan; Sekolah sebagai satu *business unit/entity*; atau sekolah sebagai *partial business entity*.

SEKOLAH BERTINDAK SEBAGAI SEBUAH BUSINESS UNIT/ENTITY

Struktur *business unit/entity* ini bermaksud setiap sekolah akan mengawasi perbelanjaan dan urusan kewangan yang diperuntukan kepadanya. Dengan itu, satu aktiviti penting bagi setiap sekolah ialah *income generation*, mendapatkan sumber kewangan bagi membiayai program akademik, pembangunan pelajar, penyelidikan, emolumen, elauan serta lain-lain perbelanjaan. Implikasinya adalah:

a. Geran penyelidikan akan dikawal ketat oleh sekolah kerana ianya menggunakan wang. Hanya penyelidikan yang menyumbang ke arah bidang kecemerlangan sekolah (*pure* atau *applied research* tidak menjadi persoalan) akan diberikan pembiayaan, manakala bidang-bidang sampingan lain yang tidak begitu selaras dengan "center of excellence" sekolah mungkin menjadi sekunder. Dalam hal yang sedemikian, struktur dan fungsi PPP mungkin tidak diperlukan sebagai badan koordinasi dan pengembangan aktiviti penyelidikan UUM; fungsinya akan diambil alih oleh sekolah-sekolah.

b. Aktiviti perundingan serta pengembangan amat perlu sekali dipertingkatkan kerana ia akan mendatangkan pendapatan kepada sekolah. Perunding mungkin tidak lagi membuat sumbangan seperti sekarang ini, iaitu 25% bagi 10,000 kedua dan 50% bagi 10,000 ketiga dan ke atas; malah potongan sumbangan daripada tahap terawal sudah diperlukan. Ini bermakna, kos untuk satu-satu projek akan meningkat (atau ganjaran / honorarium yang diterima oleh perunding akan berkurangan). Persaingan dengan syarikat swasta serta kumpulan perunding lain akan jadi lebih sengit, dan para perunding perlu juga membuktikan kepakarannya agar beliau akan menjadi "*highly demanded*" dalam bidang yang mereka ceburi.

c. Seperkara yang perlu diberikan perhatian ialah andaikata perunding sudah mencapai tahap yang mana kepakarannya sudah diiktiraf oleh badan luar, ia kemungkinan akan meninggalkan universiti dan membuka syarikat perundingnya sendiri. Hal ini banyak berlaku pada universiti yang mempunyai tenaga kepakaran dalam bidang sains gunaan dan teknikal, kejuruteraan dan perubatan. Kemungkinan besar ia akan juga dialami oleh UUM, iaitu kepada pakar-pakar *strategic management, econometric, advertising, tourism management, information systems, communications, political strategist, futurist* dan seumpamanya. Hal ini perlu difikirkan dengan lebih lanjut agar *brain-drain* tidak berlaku ke luar UUM.

d. Dari aspek penerbitan pula, bahan yang diterbitkan haruslah boleh dijual, serta setanding dan setaraf dengan bahan penerbitan dari dalam dan luar negara. Pensyarah akan digalakkan menulis dalam bidang masing-masing dan menggunakan teks berkenaan dalam kuliah mereka. Kerja pengurusan penerbitan teks akan diswastakan untuk menjimatkan kos. Dalam hal ini, mungkin Unit Penerbitan tidak lagi diperlukan kerana perkhidmatan luar boleh digunakan.

Andaikata struktur pertama menjadi kenyataan, maka pihak sekolah akan menguruskan pembayaran geran penyelidikannya, mencari kontrak perundingan serta mengusahakan penerbit bagi buku-buku yang ditulis oleh pensyarah masing-masing.

SEKOLAH SEBAGAI PARTIAL BUSINESS UNIT/ENTITY

Struktur ini mirip apa yang sedia ada di UUM kini, tetapi lebih banyak autonomi diberikan kepada sekolah untuk menjalankan aktiviti akademik dan separa akademik.

a. Struktur ini pula akan memerlukan sebuah pusat/unit yang menguruskan geran yang diperuntukan daripada belanjawan universiti, (bukannya belanjawan sekolah secara berasingan) yang akan diagih-agihkan ke sekolah bagi tujuan penyelidikan, latihan serta pengembangan ilmu yang berkaitan. Modus operandi pusat/unit ini akan berpandukan kepada prosedur dan tatacara yang diputuskan di peringkat Senat atau *Board of Directors*, UUM.

b. Pusat/unit ini juga bertanggungjawab mendapatkan projek perundingan untuk sekolah-sekolah. Sebagai penghubung dengan pihak Sekolah, seorang tenaga akademik perlu dipinjamkan terus ke pusat/unit ini bagi kerja penyelaras projek perundingan untuk sekolah masing-masing dan melaporkan kepada Lembaga Sekolah tentang

program yang diusahakan. Sumbangan dapanan daripada hasil kerja rundingan atau projek lain yang mendarangkan keuntungan akan disalurkan ke sekolah masing, di samping kepada universiti.

c. Urusan penerbitan juga dikendalikan oleh satu pusat/unit, yang mana ia terus akan bertanggungjawab kepada sekolah dari segi penerbitan bahan yang diperlukan untuk pengajaran dan pengembangan. Dapanan daripada hasil jualan (untung rugi) boleh dikongsi bersama.

KAEDAH DAN PROSES

Kumpulan kerja ini merasakan bahawa alternatif struktur kedua, iaitu sekolah sebagai *partial business unit*, dengan asas *partial decentralization* lebih berkesan atas beberapa sebab:

1. Bagi urusan penyelidikan, perundingan dan penerbitan, perlulah ada satu badan penyelaras yang menguruskan dana penyelidikan, aktiviti perundingan serta penerbitan ilmiah/separa ilmiah universiti agar penglibatan tenaga akademik dari pelbagai bidang (*cross discipline*) dapat dipertingkatkan.
2. Bertanggung jawab ke atas soal-soal pemasaran tenaga pakar (dengan sokongan sekolah) untuk kerja perundingan dan pengembangan. Pembahagian keuntungan hasil daripada projek perundingan/kursus/bengkel akan dilakukan dengan berpandukan kepada penglibatan tenaga akademik sekolah masing-masing dalam sesuatu projek. Sekolah boleh memberi tumpuan kepada program akademik sarjana muda dan sarjana.
3. Bertindak sebagai pusat/unit yang berhubung secara terus dengan badan/organisasi di luar universiti (kerajaan dan swasta) bagi perkongsian maklumat penyelidikan, perundingan, pengembangan dan penerbitan. Juga sebagai pusat/unit yang menerima dan menguruskan tawaran geran penyelidikan yang diberikan oleh pihak kerajaan dan swasta.
4. Mengendalikan latihan pembangunan serta kemahiran dalam penyelidikan untuk semua tenaga akademik universiti. Ini boleh dilakukan dalam bentuk kursus, ceramah, bengkel atau seminar. Pendek kata, usaha penerapan budaya penyelidikan harus dilakukan di universiti ini agar kuantiti dan kualiti penyelidikan dapat terus ditingkatkan.

Kerjasama pusat atau unit ini dengan pihak sekolah adalah amat penting. Lantaran, TUJUAN meletakkan wakil sekolah di pusat/unit berkenaan adalah amat perlu bagi tugas seperti:

1. Mengenalpasti tenaga pakar yang ada di sekolah untuk kerja runding, serta juga untuk memasarkan kepakaran yang sedia ada di sekolah-sekolah.
2. Menguruskan proses persediaan proposal untuk tujuan *bidding* pembiayaan dari pihak dalam dan luar universiti.
3. Mengenalpasti prioriti penyelidikan di peringkat sekolah (termasuk dari jenis *basic/applied*) untuk mendapatkan pembiayaan daripada dana penyelidikan universiti.
4. Mengenalpasti keperluan latihan dan pengembangan untuk meningkatkan kemahiran penyelidikan tenaga akademik di sekolah masing-masing.

Bagi sekolah-sekolah pula, beberapa tindakan segera diperlukan, yang antara lainnya adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti tumpuan kecemerlangan masing-masing, serta mengarahkan kerja penyelidikan (dari apa jenis pun) ke arah tumpuan ini.
2. Mengenalpasti kepakaran serta perkhidmatan pakar yang boleh ditawarkan sebagai khidmat runding.
3. Menggalakkan penubuhan *special interest group* di sekolah agar kepakaran tenaga diselaraskan dengan tumpuan kecemerlangan sekolah. Peruntukan kewangan untuk kumpulan seumpama ini (seperti untuk ke seminar, kursus, bengkel ataupun pembiayaan projek top-down) boleh difikirkan bersama.
4. Mengusahakan bahan penerbitan yang selaras dengan tumpuan kecemerlangan masing-masing, sama ada dalam bentuk monograf, laporan ringkas, jurnal dan buku teks. Adalah wajar jikalau setiap sekolah mengusahakan jurnal ilmiah masing-masing, yang mana ia boleh digunakan sebagai medium penyebaran maklumat penyelidikan untuk kegunaan para akademik dan pelajar.
5. Mengenalpasti aktiviti R & D yang boleh meningkatkan output penyelidikan. Walaupun semua sekolah (kecuali STM) bertitik tolak daripada bidang sains sosial profesional sebagai asas program akademiknya, namun penerokaan ke arah R & D adalah perlu bagi pembangunan penyelidikan dan juga perundingan. Bagi Sekolah

Teknologi Maklumat, tumpuan yang lebih perlu diberikan kepada aspek R & D dalam bidang teknologi maklumat.

6. Mengenalpasti dari masa ke semasa bidang penyelidikan yang mempunyai potensi dalam era pengkorporatan. Ini mungkin memerlukan *expansion of academic programs*. Adalah agak sukar bagi UUM untuk bersaing dengan universiti lain andaikata kita tidak memperkembangkan program akademik daripada yang sedia ada. Galakan penyelidikan silang budaya perlu dipertingkatkan agar para penyelidik mendapat pengalaman yang lebih luas dalam bidang kaitannya.

28 NOVEMBER, 1995
LANGKAWI.

LAMPIRAN 1

PENTELIMAN SEKOLAH
(Sehingga Oktober 1995)

Sekolah : SP

SR	TARJAH	TAJUH PENTELIMAN	PENGETAHUAN		STATUS
			[MAJLIS PENTELIMAN Universiti Darul Islam Putrajaya, Selangor Darul Ehsan]	[PENGARAH, SULTAN HAMID]	
1	Juli 1990 - April 1991	The Responsibilities of Manager In Private Sectors Joint Venture Project University of Saskatchewan, Canada With UUM'	Hajmaz Dato' Abd. Rahman	RM888.00	Antara Data
2	Dis. 1990 - Julai 1991	The Relationship Between Organisational Climate and Job Satisfaction. A Study in Branch Managers of Service Oriented Organisation	Nizzet H. Mohd Nasurdin Aizma Abdul Hamid	RM892.00	Tamat
3	Dis. 1990 - Nov. 1991	Moral Teaching For Future Managers Is It Worth ?	Mohammad Basir Saad Abdullah Abd Ghani Unikrishnan Menon	RM1000.00	Tamat
4	April 1991 - Mac 1994	An Analysis of New Product Ideas In Small Business	Noor Pujawati Md Said Nor Ainiin Abu Bakar	RM898.00	Tamat
5	Dis. 1991 - Feb. 1993	Comparative Study Of The Profile And Entrepreneurial Potentials of Senior Business Students of Institutions of Higher Learning in Malaysia	Aurota C. Barcelona	RM1000.00	Tamat
6	Sept. 1991 - April 1992	New Products Packaging; A Market Survey on Instant Noodles In Institution of Higher Learning In Malaysia	Smail Othman	RM853.00	Penyediaan aporan
7	Okt. 1991 - April 1992	Interrelationships Between The Personal Variable and Potentials of Senior Business Students of UUM As Entrepreneurs	Aurota C. Barcelona Abelardo C. Valida	RM890.00	Tamat

No.	JAMINAN	JENIS PENELITIAN	MAJLIS PENGETAHUAN GURU DAN PENGETAHUAN PENGARAH DAN PENGETAHUAN	PENEMUAN	PERCETAKAN	STATIS
8 Mac 1992 – Dis 1994	An Exploratory Study Of The Differences In Roles Played By Family Members In The Buying Decision Process For Household Products		Pusma Daud		RM1669.00	Taraf
9 Mei 1992 – Nov. 1992	Organizational Climate, Job Characteristics And Commitment: A Study Of Expatriates In Institutions Of Higher Learning In Malaysia		Nizat Hj. Mohd Nasurdin Aurora C. Barcelona		RM1100.00	Taraf
10 Ogos 1992 – Dis. 1992	Kajian Awalan Mengenai Kesedaran Pengguna Berhubung Dengan Hak - Hak Mereka Dalam Undang - Undang		Asmah Laili Yeon Nuretina Ahmad Sharif		RM1630.00	Taraf
11 April 1992 – Jun 1993	An Exploratory Study On Image Of Major Retail Stores In Kedah		Noor Pijawati Md Said Siti Nabila Abd Khalid		RM1669.00	Taraf
12 Mac 1992 – Feb. 1993	Pengaruh Releif Suanu Isteri Di Dalam Proses Membuat Keputusan Pembelian		Hanzah Omar		RM1669.00	Taraf
13 Mac 1992 – Dis. 1992	Tourism Marketing Factors That Motivate Tourist To Choose Langkawi As Their Destination		Ismail Ohman		RM1669.00	Taraf
14 Ogos 1992 – Jun 1993	An Investigation Of Motivational Orientation Of UUM Students		Hassan Ali		RM1669.00	Taraf
15 Dis. 1992 – Mei 1993	Works Values And Organization Commitment: A Comparative Study On Supervisors In A European And A Japanese Firm In The Electronics		Nizat Hj. Mohd. Nasurdin Mohd. Salmi Mohd. Sohod		RM1100.00	Taraf

NR	TAHUN	JAMINAN PENELITIAN	MULAI PENELITIAN (Tarikh Penyampaikan)	MULAI PENELITIAN (Tarikh Permohonan)	PERMINTAAN	STATUS
16	Feb. 1993 - Julai 1993	In Assessment Of The Level Of Quality Of Work Life Selected Japanese Executives In Malaysia			Kuora C. Barcelona Abd. Jumaaq Hj. Mahajir	RM680.00 Tamat
17	Feb. 1993 - Julai 1993	Impact Of CGC On (Small Business) In Malaysia Credit Guarantee Corporation (CGC)			Sudin Haron Bala Shanmugam	RM100.00 Tamat
18	Mac 1993 - Mei 1993	MNCs And The Economics Growth Of The State Of Kedah			Sudin Haron Mohammed Basir Saad Bala Shanmugam	RM500.00 Tamat
19	Feb. 1993 - Julai 1993	Moderating Effects Of Gender, Age And Experience On Job Performance: A Study Of A Rubber Estates In Kedah			Hanizan Zalazilah Hassan Ali	RM975.00 Tamat
20	Mac 1994 - Nov 1994	Kecenderungan Membeli-belah di kalangan Pelancong, Kajian Terhadap Pelancong-pelancong Taiwan di Malaysia			Kalsom Kajet	RM300.00 Tamat
21	Mac 1994 - Okt. 1994	Supermarket Sales Assistants Their Performance & Consumer Satisfaction			Hanzali Omer	RM300.00 Tamat
22	Mac 1994 - Okt. 1994	Tanggapan Terhadap Kausahawanan: Satu Kajian Di Kalangan pelajar Pra Universiti			Rosli Mahmood Hebsyah Bakar Mohd. Hanizan Zalazilah Mohd Salleh H. Din	RM2180.00 Tamat

NR.	TAHUN	TAJUK PENELITIAN	MATA PENELITIAN	BUDUAN DILAKUKAN, KAJI DAN SURVEY	PERMINTAAN	STATUS
23	Mei 1994 - Nov 1994	Kesan praktikum Keadaan Nila Kerja Petajur UUM	Rasidah Arshad Mohd. Saleh Hj. Din Hassan Ali	Rasidah Arshad Mohd. Saleh Hj. Din Hassan Ali	RM2998.00	Penulisan rapor
24	Jan 1994 - Julai 1994	The Development Of Tourism And Its Impact On Small And Medium Entrepreneur	smail Othman Norafiah Ahmad	smail Othman Norafiah Ahmad	RM1000.00	Penulisan rapor
25	Jun 1994 - Mac 1995	PATH Analysis Of The Demographic Variables And Entrepreneurial Potentials Of The Would - Be Entrepreneurs Of Malaysia	Auroa C. Barcelona Abdu Jumal Mohajer Abelardo C. Valdez	Auroa C. Barcelona Abdu Jumal Mohajer Abelardo C. Valdez	RM3000.00	Terma
26	Juli 1994 - Dis. 1994	Profit, Entry And Charges In Concentration Of The Manufacturing Firms	Mohamed Hanapi Mohamed	Mohamed Hanapi Mohamed	RM300.00	Terma
27	Nov 1994 - Jan. 1995	Financing Businesses: What Factors Influencing The Lenders' Credit Evaluation	Rosli Mahmood	Rosli Mahmood	RM3000.00	Terma
28	Jan. 1995 - Okt. 1995	Corporate, Among Malaysia Multinational Companies	Enggappan Al. Regupathi Faizah Ismail Siti Nabila Abd. Khairi	Enggappan Al. Regupathi Faizah Ismail Siti Nabila Abd. Khairi	RM3000.00	Analisa Data
29	Mac 1995 - Feb. 1996	Predicting The Default Rate Of The Industrial Sector Borrowing Under The CGCS Schemes	Mohd. Nor Mohd. Sharif	Mohd. Nor Mohd. Sharif	RM3000.00	Peringkat Permulaan
30	Mac 1995 - Mei 1996	Persepsi Nila Kerja dan Pemilihan Kerajaan Di Kalangan Staf Ambaga Kemajuan Pahang Tenggara (PAPAT) - Satu Kajian Pereroakan	Mohamad Khan Jamil Khan Rosli Mahmood	Mohamad Khan Jamil Khan Rosli Mahmood	RM1000.00	Terma
31	Jun 1995 - Dis. 1995	Pendidikan Universiti Satu Tinjauan Pendapatan Pihak Industri Dan Badan Korporat Terhadap Program BBA	Mohd Khan Jamil Khan Mohamed Hanapi Mohamed	Mohd Khan Jamil Khan Mohamed Hanapi Mohamed	RM3000.00	Peringkat Permulaan
32	Julai 1995 - Mac 1996	Judicial Decisions In The Issue Of Professional Negligence In Malaysia	Asmah Laili Yeon	Asmah Laili Yeon	RM2018.00	Kajia lapangan
33	Jun 1995 - Jun 1996	The Purpose And Effects Of Rights Issue Announcement Toward Stock Prices	Nur Adana Haji Abdulrahman Kamarun Nisham Taufiq Mohd	Nur Adana Haji Abdulrahman Kamarun Nisham Taufiq Mohd	RM2000.00	Kajia lapangan

**PROJEK PENELIDIANAN SEKOLAH
(SEHINGGA OKTOBER 1985)**

Sekolah : SBPS

No.	JENIS	TAKWIM PENELIDIAN	NAMA PENELIDIK (Pemandu Penyuri Jawatankuasa Penilaian dan Kursus)	BUDJET RM	PERIODE Taraf	STATUS
1	Dis. 1981 - Mac 1982	Is It The Past, Present or Future: A Study of The Perception Of Time By ESL Learners	Rosita Awang Hashim Shazliah Azizah Syed Sanil Ainna Abdu Hamid	RM832.00	Tamat	
2	Dgos 1981 - Mai 1983	Satu Penilaian Terhadap Aktiviti Minggu Sukan Era UJU M Sesi 1981/92	Hajah Nuraini Yusuf	RM995.00	Tamat	
3	Jan. 1982 - Mac 1982	Community Service Project - Creative Writing Workshop for Form 5 Students of Maktab Rendah Sains MARA, Perlis	Mutera Mohamed	RM880.00	Tamat	
4	Jan. 1982 - Jun 1983	The Effects of Incorporating Learner Training in Teaching Grammar To Foreign Language University Students	Rosita Awang Hashim	RM655.00	Tamat	
		An Analysis of The Relationship Between (1) The Achievement in the SPM English Subject and The CEBIT Average Grade For The Eng. Business And Management Courses Offered By SBPS And CEBIT Exam: A Case Study	Syaharom Abdullah	RM1000.00	Tamat	
	5 Jan. 1982 - Mac 1982					

**PROJEK PENELIDIKAN SENOAH
(SEHINGGA OKTOBER 1992)**

Sekolah : SBPS

No.	TAHUN	JAMINAN PEMERINTAH	NAMA PENGETAHUAN DILAKUKAN PADA TAHUN	PENGARUH	STATUS
6	ab. 1992 - Jun 1993	A Study On Student Attitude And Motivation Towards The Learning And Use of English English For Business And Management Courses Offered By SBPS and CEBT Examination - A Case Study	Sitiainah Azizah Syed Sahil Puteh, Dato' Sulaiman	RM610.00	Tamat
7	May 1992 - Nov. 1992	The Relative Importance of the Language Factor in The Promotion of The Tourism Industry In Langkawi	Revantharane Rao Syaharom Abdullah	RM688.00	Tamat
8	Sept. 1992 - Nov. 1992	The Profile of A Good L2 Teacher - The Perspective of Some Malaysian Student	Chua Choon Mooi Syaharom Abdullah	RM697.00	Tamat
9	Jun 1992 - Dis. 1992	Factors Affecting The Proficiency Of Universiti Utara Malaysia Matriculation Students In Learning English as a Foreign Language	Hanida Beebi Abdul Karim	RM680.00	Penulisan laporan lab
10	Feb. 1992 - Okt. 1994	Satu Kajian Untuk Mewujudkan Nila-i nilai Murni Di Kalangan Murid-murid Sekolah Rendah Berdasarkan Buku Cerita Di Perpustakaan Sekolah Rendah Kebangsaan Dato' Wan Kenbara Changlun	Hajah Nuraini Yusof Hajah Juhara Hashim	RM1000.00	Penyediakan laporan
11	Sept. 1992 - Nov. 1994	Satu Kajian Untuk Mengelepastikan Agensi Penggerak Masyarakat Iuse Bender - Dari Perspektif Masyarakat Tersebut	Norma Saad Hamida Beebi Abdul Karim Chua Choon Mooi Punetheswary Sipu Muthiah	RM882.00	Penulisan laporan
12	April 1992 - Mei 1992	The Effect of Background Knowledge of Content On Affective Reaction Towards Text And Its Possible Implication For Material Design	Mohd Norain Mohd Abdullah Syaharom Abdullah	RM752.70	Tamat

NO.	TITIK	JAMAK PENELIDIKAN	BILANGAN PENGARAH DAN PENGETAHUAN	PENGETAHUAN	SISTAS	
13	Sept. 1992 - Dis. 1992	A Study On The Effect Of BZ1012 and BZ1022 On The Acquisition Of The Simple Tenses	Rosita Awang Haslim Siew Swee Fock Abdu Malek Abdul Karim Kurnia Abdu Hand Hamida Beedi Abdul Kaim Puveresary ap Muliiah Nuratinah Mohd. Yusoff Norina Saad Ahmad Jelani Sheari M. Kalidess	Rosita Awang Haslim Siew Swee Fock Abdu Malek Abdul Karim Kurnia Abdu Hand Hamida Beedi Abdul Kaim Puveresary ap Muliiah Nuratinah Mohd. Yusoff Norina Saad Ahmad Jelani Sheari M. Kalidess	RM897.00	Tamat
14	Jan. 1992 - Okt. 1993	Proses Pengalihan Teks Batalis	Mohd. Noor Ishak	Mohd. Noor Ishak	RM980.00	Tamat
15	Jun 1993 - Nov. 1993	Evaluating The Suitable of Two Cell Software (Compact Disc) For Use At The Primary School Level	Abdu Malek Abdul Karim Puveresary ap Muliiah Rosita Awang Haslim Raventharamanthe Rao Azrina Murad Sari, Dr. Nuratinah Mohd. Yusof Shafiriza Osman Siti Jamilah Bidin Norina Saad Aminah Aman Syaharon Abdullah Hajah Juhara Hashim Noor Hafizah Omar	Abdu Malek Abdul Karim Puveresary ap Muliiah Rosita Awang Haslim Raventharamanthe Rao Azrina Murad Sari, Dr. Nuratinah Mohd. Yusof Shafiriza Osman Siti Jamilah Bidin Norina Saad Aminah Aman Syaharon Abdullah Hajah Juhara Hashim Noor Hafizah Omar	RM988.50	Tamat

NO.	TARAF	NAJAK PENGETAHUAN	PENGARUH	STATUS
16	Juli 1983 - Dis. 1993	Examining Learners' Language Learning Strategies	Rosna Awang Hashim Sharifah Azizah Syed Sahil	RM880.00 Tamat
17	Juli 1983 - Nov. 1993	Perbandingan Tatabahasa Melayu Dengan Tatabahasa Sepanyol. Satu Analisa Ringkas	Mia Fabiola Rojas - Rojas brahim Ahmad	RM880.00 Tamat
18	Jun 1983 - Nov. 1993	The Practicality of Using Videos In An English Enrichment Programme For Primary School Children	Nurahimah Mohd. Yusoff Siti Jamilah Bidin Hajah Jusra Haslim Raventhanathe Rao Kiran Yeacob Norma Saad Perevezesayyabip Multiah Nor Halizah Omar Shahriza Osman Rosna Awang Hashim Azina Murad San, Dr. Syaharon Abdullah Abdu Malek Abdul Karm Zain brahim	RM1000.00 RM880.00 Tamat
19	Mac 1983 - Dis. 1993	Assessing Reading in The Classroom Through Misuse Analysis	Sunita Suryanarayanan et al. Ugaanthan	RM880.00 Tamat
20	Juli 1983 - Sept. 1993	Assessing Student's Performance in BZ102 and Their Subsequent Performance In BZ102: A Case Study	Syaharon Abdullah Raventhanathe Rao	RM1000.00 Tamat

SR.	NAJAH	JALAN PENELIDIAN	MAMPUH DILAKUKKAN	PENGETAHUAN	STATUS
21	Juli 1993 - Okt. 1993	Darijen Pengurusan Tababahaesa Di Kalangan Pejabat Semester Pertama UJM	Syahrom Ahmad, H. Husni Bachok Nasarwanji	RM500.00	Tamat
22	Ogos 1993 - Ogos 1994	Do We Need ESP - The Perspective Of Some Employers	Abdul Malek Abdul Karim Syahrom Abdullah Nuraini Mordi Yusoff	RM1000.00	Tamat
23	Nov. 1993 - April 1994	Mendidik Malay-English Universals' Menerusi Perbandingan Bidahan	Hassanah Hj. Ibrahim, P.M. Dr.	RM1000.00	Perulisan sponor
24	Dis. 1993 - Mac 1994	Dari Diski Ke Sintaksis	Mohd. Noor Ishak	RM995.00	Peringkat Analisa Data
25	Dis. 1993 - Sept. 1994	Video-based English Enrichment Programme For Primary School - An Exploratory Study, Sek. Keb. Badar, Sek. Keb. Yit Min, Sek. Kab. Dato' Wan Kamaria	Norma Saad Shahrizita Osman Nuraini Mhd Yusoff Punerevathy abp Muthiah Syahrom Abdullah Abdul Malek Abdul Karim	RM1000.00	Tamat
26	Dis. 1993 - Nov. 1994	An Assessment of the Effectiveness of The SEPS English Proficiency Programme (Phase 1)	Zulna Muzad Sari Syahrom Abdullah	RM600.00	Tamat
27	April 1994 - Jun 1994	Establishing The Reliability Of A Translated Critical Thinking Test	Mohd. Nordin Mohd. Abdullah	RM300.00	Tamat

No.	Tarikh	Tajuk Penyelidikan	Nama Penyelidik (Pengerusi dan anggota kumpulan penyelidikan)	Budget	Status
7 April 1992 - Julai 1992		Kesan Perubahan Terhadap Tingkah Anak di Kedah dan Anak - Tret & Tekanan	Mohd Taib Arifin Mahmood Nazar Mohamed	RM1000.00	Tamat
8 Feb. 1992 - Ogos 1992		Komitmen Ahli-Ahli Parlimen Malaysia Terhadap Isu-Isu Antarabangsa	Ahmad Faiz Abd Hamid	RM1000.00	Tamat
9 April 1992 - Nov. 1992		Sibus dan Pengendalian Kursus Tamadun Islam Di Pusat Pengajian Tinggi: Satu Kajian Perbandingan	Mustafa Hj. Daud Smail Ishak	RM1000.00	Tamat
10 Nov. 1992 - Mac 1993		Pendekatan Projek Amanah Kritis Malaysia (AM) Dalam Memerangi Kemiskinan: Satu Penilaian Terhadap Keterkesanannya Di Kawasan Pendeng, Kedah	Rohana Yusof Che Su Mustaffa	RM1000.00	Tamat
11 Jan. 1992 - Jun 1992		Persepsi Pelajar Islam Di Pusat Pengajian Tinggi Terhadap Penggunaan Tulisan Jawi: Kajian Kas UUM	Che Su Mustaffa Mustafa Hj. Daud Mohamed Mustafa Ishak Rohana Yusof	RM1000.00	Tamat
12 Jan. 1992 - Jun 1993		Tulisan Jawi Penggal Warisan Tamadun Islam Di Alam Melayu	Kamaruldin Ahmad Mustafa Hj. Daud Abd Rahman Mustafa Smail Ishak	RM1000.00	Tamat
13 Sept. 1993 - Dis. 1993		Persepsi Pegawai Sultan Terhadap Pengurusan Askar Wataniah	Ahmad Fawzi Mohd Basri	RM1000.00	Tamat

No.	TAHUN	JENIS PENELITIAN	MAJLIS PENGETAHUAN	PERKHIDMATAN	STATUS
14	Dis 1993 - Dis 1994	Kajian Sikap Terhadap Perkawinan Dan Pemberlukuan Keluarga Di Kalangan Pesangan Suami Isteri Melayu	Samsa Iskak	RM1000.00	Tamat
15	Dis. 1993 - Dis. 1994	Kajian Terhadap Faktor-faktor Penilitian Jodoh Di Kalangan Petjar JUM	Fuziah Shafee	RM1000.00	Tamat
16	Dis 1993 - Nov 1994	Salu Kajian Mengenai Ketahanan Terhadap Perkawinan dan Pembinaan Keluarga Di Kalangan Petkerja Kilang	Musadeka Hj. Daud	RM1000.00	Tamat
17	Dis 1993 - Ogos 1994	Sikap dan Persepsi Terhadap Bidang Keusahawanan Di Kalangan Petjar Institusi Kemahiran	Mohd Taib Ariffin Naib Ahmad Marzuki Che Siti Mustafa	RM1000.00	Tamat
18	Dis 1993 - Dis. 1994	Tanggungjawab Suami Isteri Dalam Perkawinan Dan Pemberlukuan Keluarga Di Kalangan Kaktangan Kerajaan	Kamarudin Ahmad	RM1000.00	Analisis Data
19	Feb. 1994 - Jun 1994	An Investigation of Employee Reactions Towards Organizational Ambiguity : A Case Of Nurse At Hospital USM, Kubang Kerian	Razif Mat Zin	RM3000.00	Tamat
20	Feb. 1994 - Nov. 1994	Etilka, Nilai dan Prestasi Kerja Di Kalangan Kaktangan Sektor Awam, Kajian Di Jabatan-jabatan Negeri Kedah	Sadiqa Marican	RM3000.00	Tamat
21	15 Julai 1994	Properti Psikometrik Ukuran Etilka Kerja Tonggak - 12 (EKA - 12)	Mahmood Nazar Mohamed	RM1000.00	Tamat
22	Okt. 1995 - Okt. 1996	Analisis Empikal Pengambilan Cuti Sakit Di kalangan Petkerja-petkerja UUM	Muhammad Ali Emri Rozaini Abd. Ghani	RM3000.00	Kajian Awal
23	Sept. 1994 - Mac 1995	Penelitian Tesis Sahsiyah Usahawan Dengan Berdasarkan Kepada Jijian 1GF	Mahmood Nazar Mohamed	RM3000.00	Penerusan aperan

No.	JAMINAN	MAJLIS PENGETAHUAN	PENGARAH PENGETAHUAN	STATUS
				WAKTU PENGETAHUAN (Tarikh dan Tempat Penerangan)
24	Ogos 1994 - Feb. 1995	Pengarahanan Pilihanraya Malaysia 1990 - 1990	Mohd. Fadil Saktan	RM3000.00 Kajian spangan
25	Ogos 1994 - Feb. 1995	Kajian Komitmen Pekerja Dalam Organisasi Awam	Saniyah Khalil Siti Aida John Abdullah Razali Mat Zin Sabittha Marican	RM3000.00 Penulisan rapor
26	Nov. 1994 - Ogos 1995	Strategi Daya Tindak Terhadap Stress dan Kepuasan Kerja	Mohd. Fadil Saktan	RM3000.00 Tamat
27	1994 -	Sikap Masyarakat Melayu Jutor Terhadap Institusi Keselamatan	Razali Mat Zin	RM3000.00 Analisis Data
28	Feb. 1995 - Feb. 1996	The Trends And Styles Of Managerial Decision Making 'A Case of Two Malaysian Public Organizations'		RM3000.00 Penulisan rapor
29	Mac 1995 - Dis. 1995	Penyertaan Wanita Melayu Di Kedah Dalam Politik	Che Su Mustafa	RM3000.00 Pengumpulan Data

PROJEK PENTELDIKAN SEKOLAH

(Sejingga Oktober 1995)

Sekolah: STM

No.	TARikh	JALAN PENGETAHUAN	PENGEMBANGAN		Status
			Penerjemah	Bantuan dengan Projek R&D Kementerian	
1	Sept 1990 - Nov 1990	The Appropriateness of Computer Technology in Malaysia Accounting Education	Zurinah Surad Nor Haslina Yusof	RM886.00	Tamat
2	Dis. 1990 - Julai 1994	Case Studies In Gender Differences For Computer Literacy And Awareness Among Rural And Urban Secondary Schools In Kedah	Zurni Omar Fazilah Siraj	RM1000.00	Tamat
3	Mac 1991 - Jun 1991	Kesan Latarbelakang Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar: Kajian kas di UUM	Zurni Ahmad	RM850.00	Tamat
4	Dgos 1991 - Julai 1992	The Feasibility of Integrating a PC-Based Symbolic Intergration Expert System in Mathematics Classes	Abelardo C. Valida Abbas Md. Said	RM485.00	Tamat
